

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini perumahan PR1MA di negeri Sabah khususnya dalam daerah Beaufort.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhan jumlah unit kediaman perumahan PR1MA di Sabah yang telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan dan dimeterai perjanjian adalah berjumlah 8,963 unit iaitu melibatkan 12 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,220 unit kediaman PR1MA adalah dalam fasa pembinaan manakala sebanyak 3,743 unit kediaman pula masih dalam fasa perancangan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah unit kediaman PR1MA di Beaufort ialah sebanyak 492 unit dan kemajuan pembinaan projek ini telah mencapai tahap 70.30%. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2020. Sekian, terima kasih.